

0068

R B533 DEB
MAHATHIR - DEWAN

(1)

KUALA LUMPUR, 10 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGESYORKAN SUPAYA DIADAKAN SATU PERBINCANGAN MENGENAI MASALAH ALIRAN TUNAI YANG DIHADAPI OLEH AHLI PERNIAGAAN DAN PENGUSAHA TEMPATAN.

PERBINCANGAN ITU BOLEH DIADAKAN ANTARA BANK NEGARA DAN BANK PERDAGANGAN YANG LAIN DENGAN DEWAN-DEWAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN DI NEGARA INI, KATANYA.

KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS MAKAN MALAM TAHUNAN GABUNGAN DEWAN-DEWAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN CINA (ACCCIM) DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BERSEEDIA MENGHADIRI PERBINCANGAN ITU SEBAGAI +PENGADIL+.

BELIAU MENGESYORKAN DEMIKIAN BERIKUTAN PERMINTAAN PRESIDEN ACCCIM, TAN SRI WEE BOON PING, SUPAYA PERDANA MENTERI MENKKAJI MASALAH ALIRAN TUNAI YANG DIHADAPI OLEH AHLI PERNIAGAAN PADA MASA INI.

DALAM UCAPANNYA SEBELUM INI, TAN SRI WEE BERKATA MASALAH TERSEBUT BUKAN SAHAJA DIHADAPI OLEH AHLI PERNIAGAAN CINA TETAPI JUGA AHLI PERNIAGAAN MELAYU. -- LAGI

0028MST 11 03 88

0069

R B534 DEB
MAHATHIR - DEWAN 2 KUALA LUMPUR

(1)

KATANYA, CAMPURTANGAN PERDANA MENTERI DALAM PERKARA INI AKAN MEMBANTU MEMBERI JAMINAN KEPADA AHLI PERNIAGAAN YANG BERMINAT UNTUK TERUS MEMBUAT PELABURAN DALAM PROJEK-PROJEK YANG BERDAYA MAJU.

DATUK SERI DR MAHATHIR, SEMENTARA ITU, BERKATA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA MENCAPAI TAHAP 4.7 PERATUS TETAPI MENEGASKAN BAHAWA PERTUMBUHAN ITU MUNGKIN MENCAPAI PERATUSAN YANG LEBIH TINGGI SEKIRANYA KERAJAAN TIDAK MENGURANGKAN JUMLAH PENGELUARAN MINYAK.

LANGKAH TERSEBUT TERPAKSA DIAMBIL KERANA KERAJAAN MENITIKBERATKAN HARGA MINYAK PADA MASA HADAPAN, JELASNYA.

BELIAU JUGA BERHARAP AHLI PERNIAGAAN CINA AKAN BERGANDING BAHU DENGAN RAKAN-RAKAN PERNIAGAAN MEREKA YANG BERBANGSA MELAYU UNTUK MEWUJUDKAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA YANG SIHAT.

TAMBAHNYA, KERAJAAN SENTIASA MENGIKTIRAFKAN PERANAN CINA DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA DAN BAHAWA SETIAP DASAR KERAJAAN YANG BERHUBUNG KAIT PERDAGANGAN BERTUJUAN MENGUNTUNGGAN KAUM CINA DAN JUGA KAUM-KAUM YANG LAIN. -- BERNAMA

0037MST 11 03 88